

Status Logam Berat Dalam Ikan dan Produk Berasaskan Ikan di Pasaran Tempatan

Oleh

Poedijono Nitisewojo & Marcus Jopony

Sinopsis

Kandungan beberapa jenis logam berat di dalam berbagai jenis ikan laut dan hasil makanan berasaskan ikan laut adalah rendah. Ini bererti bahawa semua sampel yang telah dikaji tidak akan menyebabkan gangguan kesihatan yang disebabkan oleh ketoksikan logam berat beracun. Pada kajian awal kandungan kadmium (Cd) pada beberapa jenis ikan didapati agak tinggi, tetapi setelah di adakan kajian ulangan, semua sampel menunjukkan kadar kandungan Cd juga rendah. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak lengkap kerana logam-logam berat beracun yang lain seperti merkuri dan arsenik tidak dikaji. Sepatutnya alat-alat radas seperti spektrofotometer penyerapan atom mesti dilengkapi dengan peralatan tambahan sehingga boleh digunakan mengikut keperluan penyelidikan. Data juga menunjukkan bahawa ikan dan produk ikan boleh membekalkan Zn, K dan Fe yang cukup tinggi.

Synopsis

Heavy metal concentrations in several marine fishes and food products derived from marine fishes are low. This study shows that all samples of fish and fish products are safe to eat and will not cause any deleterious effects due to toxic heavy metals. Although preliminary results showed that in some species of fish contained high amount of Cd, after repetition of analysis, the concentration of all heavy metals studied were low. However, this study is not complete, since other toxic heavy metals, particularly Hg and As could not be analysed. It would be appropriate if the instruments, such as the Atomic Absorption Spectrophotometer can be used to analysed all metals. This study shows that fishes and fish products are good source of Zn, K and Fe.